

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Malaysia kutuk Israel



DATUK SERI DR  
MAHATHIR

Saad bin Man berpendapat pembunuhan orang-orang yang tidak berdosa dan tidak mempunyai tempat perlindungan adalah tindakan orang-orang dayus.

Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Encik Nasir Mokhasan mensifatkan tindakan Israel itu sebagai satu tindakan yang paling kejam.

Katanya lagi, peristiwa yang berlaku itu disebabkan oleh Amerika Syarikat yang menjadi dalang.

Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Kubang Pasu mensifatkan tindakan itu sebagai perbuatan kejam yang tidak pernah terfikir oleh manusia di zaman moden kerana tindakan tegas tidak diambil mulai sekarang," katanya. Ketuaanya, Encik

katan Belia Islam Malaysia (ABIM), Encik Kamaruddin Mohd. Nor mensifatkan apa yang berlaku sebagai mengulangi sejarah Heir Yassin dan Kasr Kaissim di mana rakyat dari dua perkampungan Palestin di bunuh beramai-ramai.

Peristiwa Bier Yassin pada 15 Mei, 1948 dan Kasr Kassim pada 29 Oktober, 1956 merupakan peristiwa yang tidak boleh dilupakan.

"Kini peristiwa yang sama berulang lagi dan tidak mustahil ia akan berterusan sekiranya tindakan tegas tidak diambil mulai sekarang," katanya.

Pemangku Presiden

yat Malaysia khasnya mereka yang beragama Islam sentiasa memberi bantuan kepada rakyat Palestin dalam bentuk kebendaan.

"Tetapi, yang paling penting ialah doa dan restu bagi mereka yang sedang berjuang," ujarnya.

Laporan-laporan yang diterima menuduh golongan bersenjata Falange berhaluan kanan memasuki khemah-khemah pelarian Palestin dan melakukan perbuatan tersebut manakala tentera Israel mengepung kedua khemah tersebut ke Beirut Barat minggu lalu.

Naib Presiden Ang-

Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Nazri Tan Sri Aziz Yeop menegaskan, kekejaman tersebut merupakan satu simbol menghina umat Islam seluruh dunia.

Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Asri Haji Mohamad Asri Muda mensifatkan peristiwa tersebut sebagai perbuatan yang kejam dan tidak dapat dimaafkan oleh setiap rakyat Islam.

"Kita hendaklah bersatu terus bersatu 'memerangi' Israel dan mewujudkan keadaan dunia yang aman," tegasnya.

Datuk Haji Asri juga menyeru seluruh rak-

bertanggungjawab terhadap perbuatan kejam secara sewenang-wenang terhadap orang-orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang tidak berdosa yang berlaku sebaik-baik sahaja pasukan tentera Israel memasuki Beirut Barat, bercanggah dengan persetujuan untuk berpindah," kenyataan itu menambah.

Ia berkata jenayah yang 'tidak bermaruah dan pengecut' itu jelas menunjukkan kepada dunia kecenderungan Israel dan kumpulan Falange untuk melenyapkan suatu bangsa melalui pembunuhan secara beramai-ramai itu.

pemimpin-pemimpin dunia Islam bersatu menentang setiap kekejaman yang dilakukan ke atas umat-umat Islam.

Kenyataan Wisma Putra berkata, Malaysia mensifatkan Israel dan kumpulan Falange sebagai bertanggungjawab terhadap perbuatan kejam secara sewenang-wenang itu.

Kenyataan itu berkata, pembunuhan beramai-ramai itu merupakan satu jenayah yang hanya boleh disamakan dengan kekejaman Nazi.

Kerajaan mensifatkan Israel dan kumpulan Falange sebagai pihak yang

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia menyertai negara-negara Islam seluruh dunia mengutuk pembunuhan beramai-ramai 1,500 rakyat Palestin kebanyakan perempuan dan kanak-kanak dalam dua khemah pelarian di Beirut.

Seluruh rakyat dari segenap lapisan masyarakat juga bersatu suara dengan rakyat Islam lain mengutuk perbuatan biadai Israel bertindak membunuh beramai-ramai rakyat Palestin di Beirut Barat.

Mereka mahu